

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD AZIS BIN JAMMAN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah aset dan peralatan pengawasan yang ada di kawasan ESSzone ketika ini dan adakah Kementerian bercadang untuk menambah aset dan peralatan tersebut seperti radar dan bot tempur bagi memastikan fencing yang sempurna di kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) sentiasa terus meningkatkan keupayaan dan kesiagaan aset-aset untuk memastikan keberkesanan pengawasan kawalan dan penguatkuasaan serta mewujudkan elemen cegah rintang yang efektif di ESS Zone. Tiga (3) elemen pasukan keselamatan utama yang terlibat iaitu ATM, PDRM dan APMM telah beroperasi secara bersepadu di ESS Zone dan sentiasa bersiap sedia untuk diatur gerak pada sebarang masa mengikut Kawasan Tanggungjawab (KTJ) masing-masing. Sehingga kini, sebanyak 304 aset milik pasukan keselamatan dan pertahanan sedia untuk beroperasi di ESS ZONE.

Berhubung dengan penambahan aset bagi mewujudkan kawasan *fencing* yang menyeluruh di ESS Zone, KDN telah mengemukakan permohonan di bawah RMKe-12 untuk pembinaan pos kawalan baharu, pangkalan laut dan pos operasi hadapan (*Forward Operation Base*) serta perolehan aset strategik berasaskan teknologi terkini untuk tujuan pengesanan dan pemantauan keselamatan di pantai timur Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 97 aset pertahanan dan keselamatan yang sedang beroperasi. Manakala 207 aset pula berada dalam keadaan sedia untuk di atur gerak (*standby*) di ESS Zone.